

TEPAT & TERKINI



KERTAS PERSEDIAAN UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

Berdasarkan





Tingkatan

2

KSSM

JADUAL SPESIFIKASI UJIAN (JSU)

Bahasa Melayu (02)



1 Set Ujian Awal Tahun

1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik

3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

UJIAN AWAL TAHUN Tingkatan 2

Bahasa Melayu (02/2)

1 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Baca kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
B	1	30	
Jumlah		40	

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam iklan di bawah ini, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti dua kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

JUALAN GUDANG PASAR RAYA MESRA

Tarikh: 23 Ogos – 24 Ogos 2025

Masa: 9:00 pagi – 8:00 malam

Tempat: Pekarangan Pasar Raya Mesra

Pihak kami akan mengadakan jualan gudang kusus untuk pelanggan-pelanggan istimewa kami.

Pelbagai barang yang berkualiti dijual dengan harga yang sangat rendah.

Dapatkan segera sebelum kehabisan!

Diskaun sehingga 60%

Pilihan barangan yang ditawarkan:

• Pakaian	• Alat Permainan
• Aksesori	• Bahan Bacaan
• Perabut	• Alat Tulis
• Perkakas Dapur	• Peralatan Elektrik

- (i) _____
- (ii) _____
- [2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Helmi sekeluarga sedang menetap di Tanah Tinggi Cameron pada lima tahun yang lalu.
- _____
- (ii) Berapa orang murid tingkatan dua telah dipilih sebagai peserta kem jati diri yang akan diadakan pada hujung minggu ini.
- _____

[2 markah]

3 Baca dan kenal pasti ayat-ayat di bawah ini sama ada **Ayat Penyata**, **Ayat Tanya**, **Ayat Seruan**, atau **Ayat Perintah**. Kemudian tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

(i) Encik Irshad mencuci kereta di halaman rumah.

(ii) Bilakah ibu pergi ke klinik untuk mendapatkan rawatan?

(iii) Jangan berbuat bising ketika guru besar sedang berucap.

(iv) Wah, besarnya sudut bacaan di perpustakaan ini!

[4 markah]

4 Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya.

Berdasarkan bahan tersebut, tulis **dua** kata-kata hikmat yang sesuai.



(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

BAHAN 1

Kucari damai di sini
di tanah subur makmur dan merdeka
yang menyalu dan merdeka antara realiti dan mimpi
membebat perasaan kehidupan
dengan sejarah persaudaraan
mengikat nafuri kemanusiaan.

Kucari damai di sini
cinta dan jati diri
bersemarak di (aman sukma) 心灵深处
dengan kasih sayang
bersemadi di nafuri. 深植于本能

Di sini damainya badai
moga gemilang sepanjang zaman
menjadi catatan sejarah kebanggaan
untuk generasi masa depan.

Dipetik daripada sajak 'Kucari Damai di Sini',
antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 2

"Sebenarnya, Inggeris musuh kita yang mesti ditentang," jelas Mat Lela penuh semangat. "Mereka datang ke negeri kita, konon membuat perjanjian dengan raja, konon hendak membangunkan negeri kita, tapi apa yang mereka telah lakukan?"

"Apakah yang telah mereka lakukan, Abang Mat?" soal Samad mendadak.

"Mereka hendak memungkah emas dan bijih timah negeri ini ke negeri mereka," jelas Mat Lela lagi. "Mereka hendak tebang dan angkut kayu-kayu yang baik di negeri kita. Mereka hendak (memungut, cukai) dan hendak memeras kita."

"Kalau begitu, benarlah mereka musuh kita!" balas Samad yang mula faham.

Dipetik daripada
novel *Darah Titik di Semantan*,
Tingkatan 2,
Kementerian Pendidikan Malaysia

BAHAN 3



8:00 malam - 10:00 malam
30 Ogos 2025
Dewan Gemilang,
Taman Angsana, Ipoh

Tayangan Video Patriotik

Persembahan Lagu Patriotik

Pameran Sejarah Negara

Aksi Silat Pahlawan

Grafik Perjuangan

Deklamasi Puisi

- 5 (a) Berdasarkan Bahan 2 dan Bahan 3, nyatakan cara-cara untuk menunjukkan perasaan sayang akan negara.

[3 markah]

- (b) Berikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam Bahan 1.

[3 markah]

- (c) Semangat cinta akan tanah air dalam kalangan generasi muda pada hari ini didapati semakin luntur. 逊色

Pada pendapat anda, mengapakah semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda semakin terhakis?

[4 markah]